



SK TUNKU MAHMOOD 2
JKR 906, JALAN SEKOLAH,
86000 KLUANG, JOHOR



MINIT CURAI
DIALOG PRESTASI BAHASA MELAYU DAN KHATAM AL-QURAN

PERKARA	DIALOG PRESTASI BAHASA MELAYU DAN KHATAM ALQURAN	TARIKH	8 NOV 2023
HARI	RABU	MASA	1:30 – 3.00 p.m.
TEMPAT	BILIK MESYUARAT SK TUNKU MAHMOOD 2	ANJURAN	SK TUNKU MAHMOOD 2
KEHADIRAN : Rujuk Lampiran			
BIL	PERKARA / ISU	TINDAKAN / MAKLUMAN	
1.	<u>En. Safiee bin Kassim (Guru Besar)</u> • Tahniah kepada semua guru yang telah berjaya melaksanakan kesemua program-program yang lepas. • Semua guru perlu membuat persediaan bagi melaksanakan Ujian Akhir Sesi Akademik UASA yang dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan 1. • Pada 14 November, akan diadakan motivasi daripada pihak swasta bagi murid Tahun 4,5 dan 6. • Bermula minggu hadapan juga, pihak daripada Klinik Pergigian Daerah akan melaksanakan rawatan pergigian kepada semua murid sekolah. • Pada 9 November, akan diadakan pula program Perjalanan ke Angkasa oleh pihak swasta. • Semua guru perlu membawa keberhasilan dan berbincang bersama pihak pentadbir dan guru besar bagi menyelesaikan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. • Ujian segak pula akan dilaksanakan pada 20,21,22 November.	Semua guru	
2.	<u>Pn. Noor Azzlyita binti Togimat (Ketua Panitia Bahasa Melayu)</u> • Bahasa Melayu – mata pelajaran fokus 2023. • PELAPORAN INTERVENSI (OPR2) BAHASA MELAYU - 34 daripada 559 murid Tahun 2 hingga Tahun 6 belum Menguasai Tahap Minimum TP 3 Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah iaitu : Tahun 2 – 23 orang, Tahun 3 – 4 orang, Tahun 5 – 6 orang dan Tahun 6 – 1 orang.	Semua guru	

	● Punca masalah yang dikenal pasti -: Lemah daya ingatan/mudah lupa, murid kurang disiplin (tidak menyelesaikan tugas dan tidak membawa buku), masalah keluarga, masalah kehadiran, murid kurang motivasi diri dan terdapat guru Mata pelajaran Bahasa Melayu kurang menguasai suasana pembelajaran serta guru kurang mendorong minda murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran. ● Program yang akan dilaksanakan : 1. Program Adiwira Cilik hebat membaca dan menulis - Sasaran semua murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan menulis, dijalankan di dalam kelas semasa PdPc menggunakan modul khas, hadiah dan sijil penghargaan kepada murid yang telah berjaya menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik. 2. Program Majlis pemuafakatan serta “aku janji” ibu bapa, guru-guru dan murid sinar 2023 yang telah diadakan pada 22 Oktober 2023 yang lepas. 3. Rakan Bantu Membaca yang telah dilaksanakan dalam kumpulan. 4. Sehari Selembar Benang iaitu bimbingan <i>one to one</i> menggunakan modul berfokus di kelas. ● Semua guru kelas perlu membantu bagi mengurangkan ketidakhadiran murid agar semua program intervensi dapat dijalankan dengan baik. ● Semua panitia perlu melaksanakan PLC bagi menangani masalah/isu yang menghalang murid menguasai tahap minimum dalam pbd. ● Panitia Bahasa Melayu boleh juga melaksanakan Program Bacaan Pagi bagi menyelesaikan masalah penguasaan Bahasa Melayu murid. ● Panitia Bahasa Melayu juga perlu melaksanakan PLC bersama pihak pentadbir bagi menyelesaikan masalah-masalah murid yang masih belum menguasai TP 1 dan 2.	
3.	<u>Pn. Mohd Adil bin Jalil (Ketua Panitia Pendidikan Islam)</u> ● • PELAPORAN INTERVENSI (OPR2) KHATAM ALQURAN – Peratus murid yang telah khatam Al-Quran tahun 6 dalam RTOj pada bulan Oktober : 34.4% (30/87) dan belum mencapai 75.8% (66/87). ● KPI bagi OPR 2 – Meningkatkan pencapaian khatam al-Quran tahun 6 2023 kepada 66/87 orang murid iaitu seramai 36 murid sasaran. ● Status pencapaian murid fokus terkini ialah : meningkat dari 22 orang pada bulan Mei kepada 30 orang pada bulan Oktober. ● Program yang dilaksanakan :	Semua guru

	1. Program Istiqomah Ngaji 7.00 pagi. 2. Program 'Muallim Quran Junior'. 3. Program Pempugaran Mentor Mentee. • Punca masalah yang dikenal pasti – Guru menghadapi masalah kekangan masa dan murid kurang terdorong untuk membaca Al-Quran. • Program akan dilaksanakan mengikut garis masa yang dirancang. Penilaian setiap program akan dilaksanakan selepas program untuk dibuat tindakan susulan dan penambahbaikan. • Semua guru-guru agama perlu melibatkan diri bagi melancarkan keberkesanan intervensi-intervensi yang akan dilaksanakan. • Kesemua ketua-ketua panitia perlu mengambil buku panduan dialog prestasi bagi membina format pembentangan yang sama.	
4.	<u>Pn. Fazilah bt. Abdul Razak (PK Pentadbiran)</u> • Penerangan tentang Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi KBAT dalam Pdp guru dan murid. • Guru perlu memasukkan unsur-unsur KBAT dan pembelajaran terbeza dalam rancangan pengajaran harian. • 3 domain yang perlu diambil kira semasa membuat rph kbat ialah perancangan, pelaksanaan dan refleksi. • Perancangan iaitu objektif dalam rph perlu dibuat secara eksplisit dan jelas, set induksi perlu berbeza mengikut aras keupayaan murid dan aktiviti perlu berpusatkan murid dan kaedah pentaksiran juga perlu mengikut aras keupayaan murid. • Pelaksanaan pula termasuk dari segi persekitaran pdp yang kondusif, penglibatan murid secara aktif, teknik penyoalan, penggunaan alat berfikir dan pentaksiran bercirikan kbat. • Penulisan refleksi pula guru perlu menilai kekuatan dan kelemahan dalam pdp dengan jelas. • Unsur-unsur soalan kbat juga perlu dimasukkan dalam teknik penyoalan. • Segala bahan dalam taklimat kbat telah dikongsikan dalam telegram rasmi sekolah.	Semua guru
5.	<u>En. Mohd Ezzam bin Ahmad Rosli</u> • Penerangan tentang Teknologi Maklumat dan Komunikasi TMK dalam Mata Pelajaran KSSR. • Pelaksanaan Modul TMK Tahap 2 telah diperkenalkan pada Tahun 2021. • Antara modul yang diperkenalkan ialah Buku Panduan Pelaksanaan, Modul Kemahiran Asas TMK, dan Modul Aplikasi.	Semua guru

	• TMK perlu disisipkan dalam Pdp matapelajaran dan dalam penulisan rph sebagai Elemen Merentas Kurikulum EMK. • 10 matapelajaran yang mengandungi elemen TMK iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Sains, Matematik, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Moral, Sejarah dan Reka Bentuk Teknologi. • Penerangan tentang carta alir kaedah pelaksanaan Modul TMK dalam Pdp. • Penerangan tentang pengintegrasian Modul TMK dalam Pdp. • Kesemua Modul TMK akan dikongsikan di dalam telegram rasmi sekolah.	
6.	<u>Hal-hal lain</u> • Pengerusi meminta semua guru agar dapat mengawal dan mengurangkan pergerakan murid keluar kelas terutamanya untuk ke tandas. • Guru-guru diminta menyemak jadual sesi persekolahan 2024 yang telah keluar bagi merancang program-program akan datang.	Semua guru
Disediakan oleh, SITI NURUL IKLIMAH BINTI SAZALI Setiausaha Pengurusan Sk Tunku Mahmood 2, Kluang, Johor		Tarikh disediakan : 10 Nov 2023

**SENARAI KEHADIRAN
DIALOG PRESTASI BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS**

BIL	NAMA GURU	
1	EN. SAFIEE BIN KASSIM	GB
2	PN. FAZILAH BINTI ABDUL RAZAK	PKP
3	EN AHMAD BASRI BIN YAAKUB	PK HEM
4	PN. SITI AMINAH BINTI RAMLAN	PK KOKU
5	PN. ANA ROZAHALIZA BINTI ABD RAHMAN	
6	PN. AZIMAHANI BINTI JAMALUDDIN	
7	EN. DEVAN A/L PARAMASIBAN	
8	PN. LOH SUET PENG	
9	PN. MAS ALIA NABILAH BINTI BADRUL HISHAM	
10	PN. MAZLINA BTE ALI	
11	PN. MELATI BINTI AMAT	
12	EN. MOHD ADIL BIN JALIL	
13	EN. MOHD EZZAM BIN AHMAD ROSLI	
14	EN. MOHD HASIFUDDIN BIN MD NOOR	
15	PN. NOOR AZZLYITA BINTI TOGIMAT	
16	PN. NOOR SYUHADAH BINTI MOHD SALEHHUDIN	
17	PN. NOR SUHANA BINTI SEDEK	
18	PN. AZRINA BINTI MOHD SAHIL	
19	PN. HJH. NOR'INI BINTI SITAM	
20	PN. NORSURIATI BINTI RUSDI	
21	PN. NUR BAIZURA BINTI ABDUL SHUKOR	
22	PN. NUR HIDAYAH BINTI MD NOH	
23	PN. NUR NAZIHAH BINTI LANI	
24	PN. NURUL AIN ANISHA BINTI MOHD ALI	
25	CIK NURUL AIN BINTI MUHMAD ZIN	
26	EN. ONG KIAN SING	
27	PN. ROHANI BINTI MOHAMAD USAK	
28	PN. ROKIAH BINTI MOHAMED	
29	PN. SALIZA BINTI YAAKOP	
30	EN. SHAH RUDY BIN MOHD HARUN	
31	EN. SHASHI RAJ A/L SUPRAMANIAM	
32	PN. SHUHAILA BINTI SHAARAN	
33	PN. SITI NORLINA BINTI MOHAMD SALEH	
34	PN. SITI NURUL IKLIMAH BINTI SAZALI	
35	PN. FAIRUZ AIMI BINTI BAHARUDDIN	
36	PN. WAN ROSLINA BINTI WAN DAUD	
37	EN. WAN YUNUS BIN WAN HARON	
38	PN. YANTE BINTI MOHAMAD	
39	PN. ZAINAB BINTI JAAFAR	

40	PN. MURSINAH BINTI HAMDAN	
41	PN. NURUL NABILAH BINTI ZAKARIA	

TIDAK HADIR :

1. PN. HJH. NORAZURA BINTI ABU BAKAR – Cuti sakit
2. PN. TEH HAMIZAH SHAZANA BINTI ABDUL HAMID – Bengkel
3. PN. MOHANA A/P KRISHNAN – Cuti sakit

**LAPORAN BERGAMBAR
DIALOG PRESTASI BAHASA MELAYU DAN PENDIDIKAN ISLAM KALI KE 2**





